



17 Julai 2012

9 ditahan, 347kg dadah dirampas

YANGON: Pihak berkuasa negara ini semalam menunjukkan kejayaan dalam perang membanteras dadah selepas rampasan bernilai jutaan dolar dilakukan di kilang narkotik di timur negeri Shan.

Polis menahan sembilan suspek bersama 73 kilogram serbuk methamphetamine atau 'ais' dan 274 kilogram cecair meth bersama peralatan membuat dadah serta sepucuk pistol ketika serbuan di sebuah kediaman di Laukkai pada 9 Julai lalu, lapor media kerajaan. Pihak berkuasa berkata, rampasan itu dianggarkan bernilai AS\$3.7 juta (RM11.7 juta).

"Ia adalah rampasan terbesar dadah ais dalam sejarah. Ia sebahagian tindakan tegas kami terhadap kilang kimia," kata seorang pegawai kanan kerajaan di kementerian dalam negeri yang tidak mahu dikenali.

Pengeluaran dadah sintetik dan penanaman popi untuk candu dilakukan dengan meluas di kawasan sempadan terpencil di Myanmar, di mana pemberontak etnik minoriti bersenjata menggunakan keuntungan daripada narkotik bagi membiayai operasi mereka. Kerajaan pembaharuan Presiden Thein Sein telah menandatangani usaha damai dengan sebilangan kumpulan bersenjata sebagai sebahagian usaha melaksanakan pembaharuan sejak mengambil alih kuasa tahun lalu. Myanmar berkata, ia mensasarkan untuk membasmi dadah menjelang 2014. - Myanmar Times